10 HARI 7 MALAM BEIJING & INNER MONGOLIA + BRUNEI CITY TOUR BY ROYAL BRUNEI AIRLINES! (HALAL MEALS)

Xilamuren Grassland • Ordos Desert • Great Wall of China • Forbidden City • Brunei City Tour

Tour Code: W002

DOWNLOAD PDF ITINERARY

Terokai keindahan padang rumput Inner Mongolia dengan pengalaman bermalam di Mongolian Yurt, menikmati pengembaraan padang pasir Xiangshawan, menaiki High-Speed Train serta mengunjungi mercu tanda bersejarah Beijing termasuk Great Wall of China dan Forbidden City. Perjalanan dilengkapkan dengan lawatan ke Bandar Seri Begawan, Brunei.



SENARAI HARGA:

TARIKH	MUSIM	HARGA SEORANG (RM)					SAIZ KUMPULAN
		BERDUA/ BERTIGA	SINGLE	KANAK-KANAK DENGAN KATIL	KANAK-KANAK DENGAN KATIL TAMBAHAN	KANAK-KANAK TANPA KATIL	
2027							
28/4 - 7/5	Spring	5,090	900	5,090	5,090	4,790	24 pax
12/5 - 21/5	Spring	5,090	1,000	5,090	5,090	4,790	
26/5 - 4/6	Spring	5,090	1,000	5,090	5,090	4,790	
16/6 - 25/6	Summer	5,090	1,000	5,090	5,090	4,790	
25/8 - 3/9	Summer	5,090	1,000	5,090	5,090	4,790	
1/9 - 10/9	Summer	5,090	1,000	5,090	5,090	4,790	
8/9 - 17/9	Autumn	5,090	1,000	5,090	5,090	4,790	
DISKAUN SENIOR CITIZEN / LOYALTY - RM50/PAX				DISKAUN GROUP OF 3/4 - RM50/PAX			

PAKEJ TERMASUK:

Tiket penerbangan pergi balik kelas ekonomi Royal Brunei Airlines dengan bagasi 20 kg.
Penginapan hotel 3/4* dengan sarapan pagi
1x Bermalam di Mongolian Yurt
Makan tengah hari dan makan malam halal di restoran tempatan mengikut jadual perjalanan.
Tiket masuk ke tempat lawatan yang dinyatakan.
Tiket High-Speed Train Beijing - Hohhot - Beijing (2nd class seat)
Pengalaman memakai pakaian Tradisional Mongolia untuk sesi fotografi & aktiviti memanah.
Desert Cableway Ride & Camel Riding Experience
Lawatan ke Genghis Khan Mausoleum termasuk battery cart
Brunei City Tour selama 5 Jam
Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang profesional.
Tip untuk pemandu pelancong dan pemandu bas

PAKEJ TAK TERMASUK:

Insurans perjalanan RM89/seorang (Etiqa Takaful / Platinum Plan / umur 70 tahun dan ke atas tertakluk kepada surcaj)

Optional Tour:-

- Slide and Go Kart: RMB 280/ person
- Mo Nan Legend Horsemanship Show: RMB 280/ person
- Horse Riding / Horse Carriage: RMB 280/ person
- ATV Ride + Roller Coaster + Ordos Acrobatic Show + Bumper Car + Zipline - RMB 280/ person

Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.

Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.

Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.

Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.

Perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam aturcara program dan pakej termasuk.

*Nota: Kadar tertakluk kepada perubahan tanpa notis awal sekiranya berlaku pengurangan bilangan peserta, turun naik mata wang serta sebarang surcaj bahan api yang dikenakan oleh syarikat penerbangan.

ATUCARA PERJALANAN

HARI 1: KUALA LUMPUR – BANDAR SERI BEGAWAN – BEIJING

Berkumpul di KLIA 4 jam sebelum waktu penerbangan untuk urusan daftar masuk dan berlepas ke Beijing dengan penerbangan Royal Brunei Airlines melalui Bandar Seri Begawan, Brunei.

HARI 2: BEIJING – SUMMER PALACE – ACROBATIC SHOW (MT/MM)

Setibanya di Lapangan Terbang Beijing, peserta akan disambut oleh pemandu pelancong tempatan sebelum memulakan lawatan ke Summer Palace, sebuah kompleks istana dan taman diraja yang pernah menjadi tempat percutian maharaja China pada zaman Dinasti Qing. Kawasan ini terkenal dengan pemandangan Tasik Kunming, taman yang luas serta seni bina tradisional China yang dikelilingi landskap semula jadi yang indah.

Selepas makan tengah hari di restoran tempatan, peserta akan singgah di masjid tempatan untuk menunaikan solat. Lawatan diteruskan dengan menyaksikan Acrobatic Show, persembahan akrobatik tradisional China yang menggabungkan aksi keseimbangan, ketangkasan dan pelbagai kemahiran fizikal yang mengagumkan.

Makan malam disediakan di restoran tempatan sebelum daftar masuk hotel dan berehat.

HARI 3: BEIJING – HOHHOT – XILAMUREN GRASSLAND (SP/MT/MM)

Sarapan pagi secara bungkus sebelum bertolak ke stesen kereta api untuk menaiki High-Speed Train (2nd Class) menuju ke Hohhot, ibu kota wilayah Inner Mongolia yang terkenal dengan budaya masyarakat Mongolia serta pengaruh sejarah dan tradisi nomad.

Setibanya di Hohhot, peserta akan disambut oleh pemandu pelancong tempatan sebelum menikmati makan tengah hari di restoran tempatan. Perjalanan kemudian diteruskan ke Xilamuren Grassland, kawasan padang rumput terbuka yang menjadi antara destinasi terkenal untuk mengenali kehidupan tradisional masyarakat Mongolia. Di sini, peserta berpeluang memakai pakaian tradisional Mongolia untuk sesi fotografi serta mencuba aktiviti memanah yang sinonim dengan warisan masyarakat nomad.

Pada sebelah malam, peserta akan menikmati suasana padang rumput melalui Bonfire Party, acara berkumpul di sekitar unggun api sambil menyaksikan pertunjukan bunga api. Pengalaman bermalam di kawasan ini menjadi lebih istimewa dengan penginapan di Modern Mongolian Yurt, khemah tradisional Mongolia versi moden yang dilengkapi penghawa dingin dan bilik mandi sendiri.

HARI 4: XILAMUREN GRASSLAND – HOHHOT – ORDOS (SP/MT/MM)

Selepas sarapan pagi, perjalanan diteruskan kembali ke Hohhot untuk melawat Genghis Khan Square, sebuah dataran yang dikaitkan dengan sejarah dan warisan Genghis Khan, tokoh yang terkenal sebagai pengasas Empayar Mongol. Kawasan ini menjadi salah satu tempat untuk mengenali identiti dan sejarah masyarakat Mongolia.

Makan tengah hari disediakan di restoran tempatan sebelum peserta singgah di Hohhot Great Mosque untuk menunaikan solat. Masjid bersejarah ini merupakan salah satu pusat komuniti Muslim di Hohhot dan terkenal dengan seni bina yang menggabungkan unsur tradisional China serta pengaruh Islam.

Perjalanan diteruskan ke Ordos, mengambil masa kira-kira 2 jam 30 minit. Bandar ini merupakan antara pusat pembangunan moden Inner Mongolia yang turut terkenal dengan warisan budaya Mongolia dan kawasan padang pasir di sekitarnya.

Setibanya di Ordos, makan malam disediakan di restoran tempatan sebelum daftar masuk hotel dan berehat.

Optional Program:-

- Slide and Go Kart – RMB 280/ person
- Mo Nan Legend Horsemanship Show – RMB 280/ person
- Horse Riding / Horse Carriage – RMB 280/ person

HARI 5: ORDOS – XIANGSHAWAN DESERT – GENGHIS KHAN MAUSOLEUM (SP/MT/MM)

Selepas sarapan pagi, lawatan dimulakan ke Xiangshawan (Whistling Dune Bay), kawasan padang pasir yang terkenal dengan hamparan bukit pasir keemasan serta landskap gurun yang luas. Destinasi ini menjadi antara tarikan utama Inner Mongolia kerana menawarkan pengalaman menikmati keindahan padang pasir bersama pelbagai aktiviti rekreasi.

Di sini, peserta akan menaiki Desert Cableway untuk menikmati pemandangan bukit pasir dari udara sebelum merasai pengalaman Camel Riding, iaitu menunggang unta merentasi kawasan padang pasir. Peserta turut diberikan masa bebas untuk mencuba aktiviti sand skiing secara sendiri.

Selepas makan tengah hari di restoran tempatan, peserta akan singgah di Dongsheng Mosque, salah sebuah masjid yang digunakan oleh komuniti Muslim setempat. Sekiranya masjid dibuka, peserta berpeluang menunaikan solat di sini. Jika tidak, persinggahan hanya melibatkan lawatan ke kawasan yang dibenarkan.

Seterusnya, lawatan diteruskan ke Genghis Khan Mausoleum, sebuah kompleks peringatan yang dibina bagi memperingati Genghis Khan, pengasas Empayar Mongol yang memainkan peranan penting dalam sejarah Asia. Kompleks ini menampilkan seni bina bercirikan Mongolia serta ruang pameran berkaitan sejarah dan warisan pemerintahannya. Peserta akan menggunakan kenderaan elektrik atau Battery Cart untuk bergerak di sekitar kawasan kompleks.

Dalam perjalanan, peserta turut melalui Kangbashi New City, kawasan bandar moden di Ordos yang terkenal dengan bangunan kontemporari, jalan raya yang luas dan pembangunan bandar yang terancang.

Makan malam disediakan di restoran tempatan sebelum daftar masuk hotel dan berehat.

Optional Program:-

- ATV Ride + Roller Coaster + Ordos Acrobatic Show + Bumper Car + Zipline – RMB 280/ person

HARI 6: ORDOS – HOHHOT (SP/MT)

Selepas sarapan pagi, perjalanan diteruskan kembali ke Hohhot yang mengambil masa kira-kira 2 jam 30 minit. Setibanya di Hohhot, peserta akan melawat Mengliang Ethnic Culture Park, sebuah pusat kebudayaan yang memperkenalkan hasil kraftangan, produk tradisional serta warisan masyarakat Mongolia. Lawatan ini

memberi peluang kepada peserta untuk melihat keunikan seni dan budaya tempatan yang masih dikekalkan sehingga hari ini.

Selepas makan tengah hari dan menunaikan solat, peserta akan dibawa ke Hohhot Old Town, kawasan bandar lama yang menampilkan seni bina tradisional dan suasana kehidupan masyarakat setempat. Di sini, peserta dapat menikmati persekitaran bersejarah yang berbeza daripada pembangunan moden bandar Hohhot.

Lawatan diteruskan ke Xianghe Wholesale Market, pusat membeli-belah yang menawarkan pelbagai pilihan barangan tempatan, pakaian serta cenderamata. Seterusnya, peserta akan bersiar-siar di Kuanxiangzi Muslim Food Street, kawasan makanan yang terkenal dengan pengaruh budaya masyarakat Muslim Hui. Jalan ini menempatkan pelbagai gerai dan kedai makanan tempatan yang memberikan peluang kepada pengunjung untuk mengenali budaya makanan Muslim di Inner Mongolia.

Makan malam adalah atas perbelanjaan sendiri sebelum daftar masuk hotel dan berehat.

HARI 7: HOHHOT – BEIJING – GREAT WALL OF CHINA (SP/MT/MM)

Sarapan pagi secara bungkus sebelum bertolak ke stesen kereta api untuk menaiki High-Speed Train (2nd Class) kembali ke Beijing.

Setibanya di Beijing, makan tengah hari disediakan di restoran tempatan sebelum peserta singgah di masjid untuk menunaikan solat. Lawatan diteruskan ke Great Wall of China – Juyongguan Section, salah satu bahagian Tembok Besar China yang terkenal dengan binaan tembok batu yang merentasi kawasan pergunungan. Tapak bersejarah ini merupakan sebahagian daripada sistem pertahanan China pada zaman dahulu dan menawarkan pemandangan lembah serta banjaran gunung yang menarik.

Seterusnya, peserta akan dibawa ke kawasan Beijing Olympic Park untuk sesi fotografi di Bird’s Nest (Beijing National Stadium), stadium utama Sukan Olimpik Beijing 2008 yang terkenal dengan reka bentuk struktur keluli menyerupai sarang burung. Berhampiran stadium ini terletaknya Water Cube (Beijing National Aquatics Centre), sebuah kompleks akuatik yang memiliki seni bina unik dengan panel luaran menyerupai buih air. Kedua-dua bangunan ini menjadi mercu tanda pembangunan moden Beijing.

Makan malam disediakan di restoran tempatan sebelum daftar masuk hotel dan berehat.

HARI 8: BEIJING – TIANANMEN SQUARE – FORBIDDEN CITY – NIUJIE MOSQUE (SP/MT/MM)

Selepas sarapan pagi, lawatan dimulakan ke Tiananmen Square, sebuah dataran bersejarah yang terletak di pusat bandar Beijing dan menjadi antara kawasan awam paling terkenal di China. Dataran ini dikelilingi beberapa bangunan penting negara dan mempunyai hubungan rapat dengan sejarah moden China.

Seterusnya, peserta akan melawat Forbidden City, kompleks istana diraja yang pernah menjadi kediaman serta pusat pentadbiran maharaja China sepanjang pemerintahan Dinasti Ming dan Qing. Kompleks bersejarah yang turut dikenali sebagai Palace Museum ini terkenal dengan bangunan istana bercat merah, bumbung jubin keemasan, halaman luas serta seni bina tradisional China yang dipelihara sehingga kini. Forbidden City ditutup pada setiap hari Isnin.

Selepas makan tengah hari di restoran tempatan, peserta akan singgah di Niujie Mosque untuk menunaikan solat. Masjid ini merupakan antara masjid tertua di Beijing dan menjadi pusat penting masyarakat Muslim Hui. Seni binanya memperlihatkan gabungan unsur tradisional China dengan fungsi dan identiti sebuah rumah ibadah Islam.

Lawatan diteruskan ke Muslim Supermarket, tempat peserta berpeluang membeli barangan makanan dan produk tempatan sebelum ke Hongqiao Market, pusat membeli-belah yang terkenal dengan pelbagai pilihan cenderamata, aksesori dan barangan untuk dibawa pulang.

Makan malam disediakan di restoran tempatan sebelum kembali ke hotel untuk berehat.

HARI 9: BEIJING – XIUSHUI MARKET – LAPANGAN TERBANG (SP/MT/MM)

Selepas sarapan pagi di hotel, peserta diberikan masa bebas untuk berehat atau melakukan aktiviti sendiri sebelum daftar keluar hotel pada waktu tengah hari.

Makan tengah hari disediakan di restoran tempatan sebelum singgah di masjid untuk menunaikan solat. Seterusnya, lawatan diteruskan ke Xiushui Market (Silk Market), salah satu pusat membeli-belah terkenal di Beijing yang menawarkan pelbagai jenis pakaian, aksesori, fabrik, cenderamata dan barangan tempatan. Kawasan ini menjadi antara tempat pilihan pengunjung untuk membeli buah tangan sebelum pulang.

Selepas makan malam di restoran tempatan, peserta akan dibawa ke lapangan terbang bagi urusan daftar masuk penerbangan pulang melalui Bandar Seri Begawan, Brunei.

HARI 10: BANDAR SERI BEGAWAN – BRUNEI CITY TOUR – KUALA LUMPUR

Setibanya di Bandar Seri Begawan, peserta diberikan masa untuk membersihkan diri dan menikmati sarapan pagi atas perbelanjaan sendiri sebelum memulakan Brunei City Tour bersama pemandu pelancong tempatan.

Lawatan dimulakan dengan perjalanan melalui kawasan pusat pentadbiran kerajaan Brunei, termasuk Pejabat Perdana Menteri, bangunan kementerian dan Bangunan Majlis Mesyuarat Negara. Peserta kemudiannya akan singgah sebentar di Masjid Ash Shaliheen, sebuah masjid yang terkenal dengan reka bentuk seni bina Islam yang elegan dan persekitaran yang tenang.

Seterusnya, peserta akan melawat Tamu Kianggeh, sebuah pasar tempatan yang menjadi sebahagian daripada kehidupan harian masyarakat Brunei. Di sini, pengunjung boleh melihat pelbagai hasil tempatan dan barangan yang dijual oleh peniaga setempat sebelum singgah untuk sesi fotografi di Brunei Waterfront, kawasan persiaran tebing sungai yang menawarkan pemandangan Bandar Seri Begawan.

Lawatan diteruskan ke Masjid Omar Ali Saifuddien, antara mercu tanda paling terkenal di Brunei yang menampilkan seni bina Islam dengan kubah emas, menara yang tersergam dan lagun buatan yang mengelilingi kawasan masjid. Keindahan reka bentuknya menjadikan masjid ini salah satu simbol utama negara Brunei Darussalam.

Peserta kemudian akan melawat Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, sebuah pusat pameran yang menempatkan koleksi khazanah berkaitan sejarah, keilmuan dan warisan tamadun Islam.

Makan tengah hari adalah atas perbelanjaan sendiri di Gadong Mall, salah satu kawasan membeli-belah di Bandar Seri Begawan. Selepas itu, peserta akan singgah untuk sesi fotografi di kawasan Istana Nurul Iman, kediaman rasmi Sultan Brunei yang terkenal sebagai antara kompleks kediaman diraja terbesar di dunia.

Lawatan diakhiri dengan kunjungan ke Masjid Jame' Asr Hassanil Bolkiah, sebuah masjid yang terkenal dengan seni bina yang megah, kubah keemasan serta hiasan dalaman yang indah. Masjid ini dibina bagi memperingati pemerintahan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan menjadi antara rumah ibadah utama di Brunei.

Selepas selesai lawatan, peserta akan dihantar ke lapangan terbang untuk urusan penerbangan pulang ke Kuala Lumpur. Setibanya di KLIA, perjalanan tamat.

PENGINAPAN:

BANDAR	HOTEL	BILANGAN MALAM
Beijing	Beijing Kaiyuan International Hotel atau setaraf	3
Xilamuren Grassland	Modern Mongolian Yurt (penghawa dingin dan bilik mandi)	1

BANDAR	HOTEL	BILANGAN MALAM
Ordos	Vienna Hotel atau setaraf	1
	Holiday Inn Express Ordos Dongsheng by IHG atau setaraf	1
Hohhot	Huachen Hotel atau setaraf	1

Jadual perjalanan di atas adalah sebagai panduan, mungkin berubah sedikit.

TERTAKLUK TERMA & SYARAT!

BUTIRAN PENERBANGAN: ROYAL BRUNEI AIRLINES (BI)

BI874 KUL BWN 2115 2340

BI623 BWN PKX 0200 0725

I624 PKX BWN 0030 0600

BI873 BWN KUL 1755 2025

DEPOSIT NON-REFUNDABLE:

RM1,000 / SEORANG

Sebarang pertanyaan tentang pakej hubungi :

Admin Office : 010-321 6357

Zawati : 019-2277 253

Saidatul : 011-2866 2548